

no fakt. upnm (lab) no. 01 ju. 23 (b7) (90)

KETAHANAN KOMUNITI SEMASA MENGHADAPI BENCANA DALAM PERSPEKTIF ISLAM

Ahmad Azan Ridzuan
azan6142@yahoo.com
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
Kem Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur

Noor Azmi Mohd Zainol
azmi7172@gmail.com
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
Kem Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur

Mohd Juraimy Hj Kadir
juraimy@upnm.edu.my
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
Kem Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur

Safar Yaacob
safar@upnm.edu.my
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
Kem Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur

Rina Suryani Oktari
okta@tdmrc.org
Tsunami and Disaster Mitigation Research Centre
Syiah Kuala University
23233 Banda Aceh, Indonesia

ABSTRAK

Bencana ditafsirkan sebagai musibah yang akan memberi kesan kepada sosial dan ekonomi sesebuah masyarakat dan berlaku tanpa sebarang amaran. Kelompok utama yang terdedah kepada bahaya bencana ini adalah komuniti di kawasan terbabit. Kertas konseptual ini akan membentangkan elemen-elemen ketahanan komuniti iaitu hubungan, kerjasama, pendidikan dan kepimpinan yang berperanan mempengaruhi kepada perspektif dan tingkah laku komuniti di kawasan kajian. Model ketahanan komuniti diperkukuhkan dengan teori-teori seperti teori ketahanan, teori kawalan sosial dan teori perubahan komuniti dengan konsep hablumminannas hablumminallah yang memberi gambaran bahawa komuniti berperanan penting dalam persediaan menghadapi sebarang bencana yang berlaku di kawasan terkesan. Selain daripada teori-teori yang dinyatakan, kertas kerja ini juga turut melihat pandangan dan pendekatan berkonsep Islam terhadap urusan tindakan dan koordinasi mengatasi dan mengendali bencana dalam sesebuah komuniti. Hasil dari kajian lepas menunjukkan bahawa elemen-elemen ketahanan komuniti iaitu hubungan, kerjasama, pendidikan dan kepimpinan mempunyai hubungan dengan perspektif komuniti. Selanjutnya, kajian ini akan membincangkan dan

menganalisa secara terperinci elemen-elemen ketahanan komuniti serta teori-teori yang berkonsep Islam untuk urustadbir dalam situasi yang berkaitan.

Kata Kunci: Bencana, ketahanan komuniti, elemen-elemen ketahanan komuniti dan perspektif komuniti, Islam.

PENDAHULUAN

Bencana alam kebanyakannya berkaitan dengan cuaca dan struktur bumi sesuatu kawasan terlibat telah menjejaskan lebih daripada 200 juta orang setiap tahun (UN, 2013). Sebanyak 98.2 peratus daripada mangsa yang terkorban akibat bencana alam di negara-negara membangun adalah disebabkan daripada tiada persediaan, kurang pengetahuan, kemiskinan, tekanan hidup penduduk dan pencemaran alam sekitar telah memburukkan lagi penderitaan manusia (UNDP, 2004). Penduduk luar bandar di negara membangun seringkali menjadi kawasan paling terdedah kepada bencana di mana kebanyakan masyarakat tinggal di dalam tempat struktur binaan tempat tinggal yang rawan kepada bencana dan bergantung kepada pertanian sebagai mata pencarian untuk kelangsungan hidup mereka (UN, 2013).

Di Malaysia bencana yang paling sering berlaku malah menjadi rutin tahunan adalah banjir dan ribut, bencana ini telah menyebabkan kemusnahan kepada harta benda, kehilangan nyawa dan perpindahan penduduk. Peningkatan tahap kemusnahan telah dianalisis semakin bertambah tahun demi tahun. Selain daripada kejadian bencana alam semula jadi, terdapat juga bencana yang diklasifikasikan bencana bukan semulajadi, iaitu bencana yang berlaku akibat buatan manusia seperti konflik dan tindakan tidak peduli terhadap keperluan mengekal struktur bumi untuk jangka panjang serta tindakan rakus untuk kepentingan ekonomi tanpa mengambil kira kesan terhadap kemungkinan bencana. Pelaksanaan pembangunan yang tidak terancang, pembangunan di kawasan-kawasan cerun dan di kawasan tadahan hujan, pembalakan yang tidak terkawal dan pencemaran alam sekitar akibat pembakaran terbuka telah mengundang kejadian bencana. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah Ar-Rum, ayat 41 yang bermaksud:

“Telah nampak kerosakan di darat dan di laut disebabkan oleh perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian dari (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar)”

(Al-Quran, 30: 41)

Dan Surah Ash-Shura ayat 30:

“Dan apa saja musibah yang menimpa kamu maka adalah disebabkan oleh perbuatan tanganmu sendiri, dan Allah memaafkan sebahagian besar (dari kesalahan-kesalahanmu).”

(Al-Quran, 42: 30)

Selain dari itu Allah menerangkan secara simbolik untuk mengatur pengurusan bencana melalui surah Yusof ayat 43 dan surah Hud 38 hingga ayat 42. Sebagai ringkasan ayat ini menerangkan

betapa perlunya pengurusan setiap bencana hendaklah ditangani melalui empat kitaran pengurusan iaitu mitigasi, persediaan, tidakbalas dan pemulihan.

Mengikut takrifan dari Arahan MKN No. 20 (2013), bencana adalah suatu kejadian yang menyebabkan gangguan kepada aktiviti masyarakat dan urusan negara, ianya akan mengakibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi dan kemusnahan alam sekitar yang melangkaui kemampuan masyarakat untuk mengatasinya dan memerlukan tindakan penggemblengan sumber yang ekstensif. Di dalam situasi negara yang semakin maju dengan penggunaan sistem komunikasi massa, maklumat akan terdedah secara cepat. Tindakan yang tidak bersistem dan cepat akan mengundang panik masyarakat dan mampu menimbulkan spekulasi yang tidak menguntungkan semua pihak samada kerajaan mahupun masyarakat. Didalam kajian sains sosial yang lebih fokus kepada perspektif keiginan naluri masyarakat, setiap kali berlaku bencana masyarakat akan menyalahkan kerajaan sekiranya lambat bertindak. Perkara perlu diberi perhatian. Berpandukan Quarantelli (2006) kaedah pengurusan bencana oleh kerajaan yang sistematik dan berkesan adalah melalui kerjasama dan koordinasi agensi yang terancang dengan komunikasi yang baik serta terpimpin. Tanda aras kecepatan bertindak dalam expektasi masyarakat oleh kerajaan adalah kepada keperluan aturgerak tentera di zon merah dan tindakan susulan oleh agensi lain dikawasan bencana. Perkara perlu diberi perhatian serius untuk menentukan ketenangan komuniti untuk berasa aman dan terkendali. Kajian Dr Dynes (2007) menerangkan tekanan apabila berlaku bencana akan menyebabkan kebodohan dalam bertindak. Elakkan tekanan didalam suasana panik amat menjamin keberkesanan pengurusan kebencanaan.

Pengurusan bencana yang cekap memerlukan pengendalian yang melibatkan sumber, peralatan, kelengkapan dan penggunaan tenaga manusia yang inklusif daripada banyak agensi serta penyelarasan yang berkesan, ianya berkemungkinan memerlukan tindakan yang sangat kompleks dan memerlukan jangka masa yang panjang untuk menyelesaikannya. Kerosakan akibat bencana mampu melumpuhkan ekonomi dan kehidupan sosial masyarakat sesebuah negara, tambahan pula Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang membangun, perkembangan kemajuan pembangunan akan mudah terjejas oleh masalah bencana.

Memandangkan bahaya bencana akan memberi kesan kepada semua peringkat masyarakat, daya tahan, atau keupayaan penyesuaian berkonsepkan saling bergantung perlu dititik beratkan. Keperluan kepada pengurusan mitigasi dan penyediaan masyarakat bersedia kepada bencana dan untuk kembali sediakala serta pulih dengan menggunakan sumber sendiri sangat memerlukan perhatian seperti menjaga integriti fizikal dan garis kehidupan, memastikan ekonomi, perniagaan dan kesinambungan pentadbiran termasuk pengurusan kecemasan, institusi sosial, menggalakkan warisan dan kemampuan alam sekitar (Paton & Bishop 1996; Paton & Johnston, 1999). Perkara ini hanya boleh diambil panduan melalui pengajaran pengalaman negara yang pernah terkesan bencana. Pengalaman Tsunami rakyat Aceh 2004 dan proses mitigasi Aceh pasca Tsunami boleh menjadi dasar panduan perancangan dan penelitian.

TEORI KETAHANAN KOMUNITI

Teori Perspektif Islam

Menurut perspektif Islam, aktiviti persiapan bencana telah dinyatakan dengan jelas dalam Al-Quran bagi mempersiapkan manusia agar mempunyai daya tahan yang kukuh dan bersedia dengan persiapan untuk menghadapi kemungkinan berlakunya sesuatu bencana. Surah Yusuf, ayat 47 dan 48 menerangkan tentang persiapan menghadapi bencana, yang bermaksud:

“Dia (Yusuf) berkata, “Agar kamu bercucuk tanam tujuh tahun (berturut-turut) sebagaimana biasa, kemudian apa yang kamu tuai hendaklah kamu biarkan ditangkainya kecuali sedikit untuk kamu makan. Kemudian selepas itu akan datang tujuh tahun yang sangat sulit, yang menghabiskan apa yang kamu simpan untuk menghadapinya (tahun sulit) kecuali sedikit dari apa (bibit gandum) yang kamu simpan”

(Al-Quran, 12: 47 - 48)

Selain itu, dalam Surat Hud ayat 37, Allah SWT berfirman:

“Dan buatlah bahtera dengan pengawasan dan petunjuk wahyu kami, dan janganlah kamu bicarakan dengan Aku tentang orang-orang yang zalim itu. Sesungguhnya mereka itu akan di tenggelamkan”.

(Al-Quran, 11; 37)

Dalam menghadapi situasi bencana juga, penyatuan komuniti merupakan suatu perkara yang penting. Komuniti yang bersatu akan memudahkan lagi proses-proses dalam pengurusan bencana. Dari sudut Islam, kewujudan komuniti yang terdiri daripada pelbagai etnik, bangsa dan suku kaum merupakan suatu realiti penciptaan oleh Allah SWT, dan setiap manusia dimuliakan tanpa mengira etnik. Oleh itu, tidak boleh berlaku perbezaan atau penafian hak berdasarkan etnik. Hal ini menjelaskan bahawa manusia secara fitrah telah dijadikan Allah dalam bentuk, kelompok dan budaya yang berbeza dan semua mesti menerima dan menghormati kepelbagaian dan perbezaan itu sebagai satu lumrah dan hukum alam yang akan terus berlaku. Kepelbagaian dan perbezaan itu bukanlah faktor untuk berpecah-belah dan bermusuhan. Seharusnya kita perlu kenal-mengenal dan membantu antara satu sama lain agar kedamaian dan kemakmuran hidup bersama dapat dicapai (Ahmad Ali & Wartu, 2013). Allah SWT berfirman dalam surah al-Hujurat ayat 13 yang bermaksud:

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).”

(Al-Quran, 49: 13)

Petikan ayat-ayat Al-Quran yang dinyatakan adalah bertepatan dengan beberapa teori yang diketengahkan oleh para sarjana seperti Teori Daya Tahan (Braverman, Meyers, & Bloomberg, 1994), Teori Perubahan Sosial (Reiss, 1951) dan Teori Perubahan Komuniti (Rothman, & Tropman, 1987). Teori-teori tersebut menyebut tentang perlunya persiapan bagi menghadapi bencana dan penyatuan dalam komuniti bagi memudahkan aktiviti-aktiviti dalam proses pengurusan bencana.

Teori Daya Tahan

Teori daya tahan adalah teori yang memperluaskan idea-idea dengan memberi penjelasan bagi sumber dan peranan perubahan dalam sistem adaptif terutamanya tindakan perubahan untuk mengubah (Charles & Ann, 2003).

Teori daya tahan juga menerangkan bahawa program persiapan bencana perlu menggabungkan matlamat berkaitan dengan interpersonal dan masyarakat dalam menyokong kecekapan individu. Braverman, Meyers, dan Bloomberg (1994) mencadangkan program belia perlu memupuk faktor pelindung di mana ianya menumpukan penyertaan komuniti dalam aktiviti kemasyarakatan. Masten (1999) mencadangkan teori ketahanan di mana setiap program yang diatitkan berfungsi dalam mengurangkan pendedahan belia kepada risiko bahaya dalam persekitaran mereka, di samping memantapkan proses perlindungan berasaskan komuniti. Oleh yang demikian, ketahanan komuniti perlu didedahkan kepada semua lapisan masyarakat dalam persediaan menghadapi sesuatu kejadian bencana.

Teori Kawalan Sosial

Dalam salah satu teori kawalan awal, Reiss (1951) menerangkan salah laku adalah tingkah laku akibat kegagalan peribadi dan kawalan sosial. Kawalan sosial ditakrifkan sebagai keupayaan kumpulan-kumpulan sosial atau institusi untuk melakukan norma atau kaedah-kaedah yang berkesan.

Teori kawalan sosial mencadangkan bahawa hubungan rakyat, komitmen, nilai-nilai, norma, dan kepercayaan telah menyumbang kepada mereka agar tidak melanggar undang-undang. Oleh itu, jika kod moral yang dihayati dan individu yang terikat dengan norma dan mempunyai kepentingan dalam masyarakat yang lebih luas, mereka secara sukarela berupaya menghadkan kecenderungan dari melakukan perbuatan yang salah.

Ross (1996) dalam kajian kawalan sosial berpendapat bahawa kawalan sosial adalah sebahagian daripada sosiologi yang statik kerana kawalan sosial sentiasa diperlukan dalam masyarakat yang bukan hanya pada masa-masa tertentu. Semua institusi sosial seperti undang-undang, kepercayaan, agensi awam, agama, pendidikan dan adat telah memainkan peranan dalam menyampaikan fungsi kawalan sosial.

Teori Perubahan Komuniti

Perubahan sosial berlaku apabila sebahagian sistem telah rosak atau tidak lagi dapat menyumbang kepada sistem penyelenggaraan atau apabila bahagian luaran atau perubahan persekitaran mengatasi sistem sosial sedia ada. Rangka Kerja Rothman sangat berpengaruh kepada mobilisasi masyarakat dengan memberikan tiga pendekatan yang berbeza untuk melibatkan masyarakat iaitu perancangan sosial, pembangunan kawasan dan tindakan sosial (Rothman & Tropman, 1987).

Perancangan sosial adalah kaedah berorientasikan tugas menekankan penyelesaian masalah yang rasional, biasanya dari pihak luar bagi menangani kebimbangan masyarakat. Agen perubahan di luar dapat mengumpul fakta tentang masalah masyarakat dan mencadangkan jawapan yang paling sesuai. Pembangunan kawasan adalah proses pendekatan yang berorientasikan untuk membina semangat identiti kumpulan dan komuniti. Pekerja komuniti akan menganjurkan pelbagai lapisan kumpulan berorientasikan tugas yang kecil untuk mengenal pasti dan berkongsi masalah. Tindakan sosial pula merupakan pendekatan yang lebih konfrontasi untuk menangani ketidakseimbangan kuasa antara kumpulan-kumpulan masyarakat yang terpinggir dalam segmen dominan masyarakat.

ELEMEN-ELEMEN KETAHANAN KOMUNITI

Elemen Hubungan

Penglibatan masyarakat adalah satu proses yang disarankan untuk kerjasama kumpulan berkait dengan lokasi geografi, kepentingan khas, gabungan atau identiti dalam menangani isu-isu yang mempengaruhi kesejahteraan komuniti (DSE 2012). Hubungan antara masyarakat akan menggalakkan komuniti membuat keputusan bersama.

Penglibatan komuniti boleh digunakan untuk mencapai pelbagai matlamat dan objektif mengikut keadaan situasi atau konteks keadaan seperti berikut:

- memaklumkan dan mendidik masyarakat tentang keputusan atau proses.
- sepakat membuat keputusan.
- membina hubungan dan rangkaian dengan kumpulan yang ada.
- mencari ilmu dan pengalaman.
- pertukaran maklumat dengan sekumpulan masyarakat (Dufty, 2011).
- Menubuhkan pusat sehati pusat koordinasi dalam komuniti di lokasi penempatan.
- Penyeragaman tindakan melalui drill yang berterusan.

Foster (2012) menekankan kepentingan dalam perhubungan komuniti yang terlibat dan keupayaan untuk membantu dalam peristiwa-peristiwa besar dalam komuniti terbabit. Ahli komuniti yang berminat akan menawarkan diri untuk mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti dan terlibat dalam latihan asas untuk persiapan pengurusan kecemasan dan tindak balas terhadap pengurusan bencana sekiranya berlaku bencana.

Berdasarkan kajian di Bangladesh, Bangladesh Pusat Persediaan Bencana (BPPB) telah menjadi rakan projek persediaan menghadapi bencana. BPPB adalah badan bukan kerajaan tempatan yang ditubuhkan pada tahun 1992. BPPB merintis peranan sebagai fasilitator pengurusan bencana, memberikan panduan, nasihat, pengetahuan dan membina kesedaran untuk pembangunan kapasiti komuniti dan penglibatan institusi dalam pengurusan bencana dan aktiviti pengurangan risiko di Bangladesh (CBDM, 2008).

Elemen Kerjasama

Kekurangan penyertaan masyarakat telah mengakibatkan kegagalan dalam memenuhi keperluan kemanusiaan, peningkatan keperluan dari sumber-sumber luar dan rasa tidak puas hati terhadap prestasi dalam melaksanakan langkah-langkah pengurusan yang luar biasa.

Berdasarkan pertimbangan umum dalam *Hyogo Framework for Action 2005-2015*, kepentingan kerjasama antarabangsa dan perkongsian yang mengambil kira bahawa setiap negara mempunyai tanggungjawab dalam pembangunan yang mampan dan mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk mengurangkan risiko bencana termasuk melindungi komuniti di wilayahnya, infrastruktur dan aset negara lain dari kesan bencana. Dalam konteks peningkatan saling pergantungan global, kerjasama antarabangsa yang bersepadu dan persekitaran antarabangsa dalam merangsang dan menyumbang terhadap membina pengetahuan, keupayaan dan motivasi yang diperlukan bagi pengurangan risiko bencana di semua peringkat termasuk peringkat komuniti (HFA, 2006).

Elemen Pendidikan

Pendidikan bencana ditakrifkan sebagai pemindahan pengetahuan yang betul untuk mengurangkan kerosakan akibat bencana, (Hideyuki Shiroshita, 2003). Pakar-pakar bencana tidak dapat menganggarkan dengan tepat bila akan berlaku sesuatu bencana. Beberapa dekad yang lalu, pakar-pakar dalam bidang pengurusan bencana telah menekankan betapa pentingnya penglibatan orang awam dalam pengurusan bencana terutama kepentingan kerjasama di kalangan komuniti. Dalam usaha untuk menangani bencana, pendidikan bencana telah ditakrifkan sebagai proses pembelajaran bersama.

Pendidikan awam terhadap bencana disebut sebagai salah satu strategi utama yang perlu kepada pengurusan bencana terutama ianya berkesan pada tahap akhir persediaan daripada pencegahan. Aktiviti pendidikan yang direka adalah untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman oleh komuniti terhadap isu-isu penting seperti kesihatan, alam sekitar, dan sivik (Whyte & Crombie's, 1995).

Pendidikan awam juga merupakan cara yang utama dalam proses pemindahan maklumat dan pengetahuan kepada komuniti. Bencana alam mempunyai kebarangkalian berlaku yang rendah namun kesannya mungkin menjadi kebarangkalian yang tinggi. Walaupun menerima arahan yang mudah ianya akan memainkan peranan yang penting dalam pengurangan risiko bencana. (Abolshams, 2004)

Quarantelli (2006) mengenal pasti keberkesanan tindakan dalam komuniti adalah berdasarkan kepada lima peringkat tindakan iaitu kebersatuan dalam mengatur tindakan, kepimpinan yang baik, mengariskan tanda aras tindakan, kebersamaan sektor swasta dan kerajaan (mobilisasi) dan bersedia untuk bertindak dalam notis yang singkat.

Elemen Kepimpinan

Kepemimpinan dalam pengurusan bencana dan kecemasan dapat meminimumkan kerosakan akibat bencana manakala kelemahan kepimpinan yang cekap akan memburukkan lagi kesan kepada komuniti. Pemimpin harus mempunyai kemahiran dan kebolehan tertentu untuk menguruskan bencana berdasarkan keadaan persekitaran, organisasi yang mereka pimpin dan skop bencana. Didalam hal kepimpinan Islam menggariskan keperluan kepimpinan mempunyai nilai berpengetahuan, kredible, amanah dan komunikasi yang cekap. Perkara sangat perlu dititik beratkan dan pendedahan melalui latihan kesiagaan secara berterusan perlu dilaksanakan agar ianya sesuai dan komuniti akan sentiasa bersedia.

Lester dan Krejci (2007) mengesahkan kepimpinan adalah penting bagi satu pasukan bertindak dengan misi dan visi untuk berjaya dan bukannya untuk bertelagah dalam bidang kuasa negeri, persekutuan dan pegawai pengurusan tempatan semasa berlaku kecemasan. Peranan pemimpin adalah untuk menyambung visi yang lebih besar dengan keperluan semasa dalam persekitaran semua ahli yang bekerjasama. Memimpin sebelum, semasa, dan selepas krisis memerlukan kecekapan yang berbeza dalam bertindak terhadap bencana dan kecemasan.

Elemen Perspektif Komuniti

Komuniti dilihat sebagai entiti yang pasif penglibatannya dalam pengurusan kecemasan dan hanya sebagai penerima bantuan apabila kecemasan berlaku (Neilsen dan Lidstone 1998). Kerajaan dan agensi-agensinya dilihat sebagai entiti tunggal yang bertanggungjawab untuk menguruskan kecemasan dan ianya semakin disedari bahawa model pengurusan kecemasan sebegitu tidak lagi sesuai. (Hodges 1999; Reinholtd 1999; Rhodes & Reinholtd 1999). Perspektif komuniti boleh dilihat dari sudut kesedaran dan keterdedahan mereka sebelum, semasa dan selepas bencana.

Kesedaran kepada komuniti boleh dilakukan dengan penglibatan dengan masyarakat untuk membangunkan pemahaman yang dikongsi bersama terhadap risiko yang mereka hadapi. Ia juga dilihat sejauh mana pengetahuan umum tentang risiko bencana, faktor-faktor yang membawa kepada bencana dan tindakan-tindakan yang boleh diambil secara individu dan secara kolektif untuk mengurangkan pendedahan kepada bahaya.

Komuniti harus menyedari dan sedia maklum mengenai risiko bencana serta bagaimana mereka harus menguruskannya. Komuniti juga harus berkongsi pengetahuan bagi ketahanan komuniti. Setiap golongan komuniti harus mengambil bahagian dalam kempen kesedaran melalui penglibatan media adalah perlu bagi meningkatkan kesedaran dalam mengukur tahap kesiapsiagaan menghadapi bencana (Twig, 2007). Manakala dari segi keterdedahan komuniti, komuniti dilihat sebagai sumber yang bergantung kepada perubahan iklim dan mempengaruhi

sistem alam semula jadi yang dihadapi serta terdedah kepada kesan buruk perubahan iklim itu sendiri (McCarthy, 2001)

Beberapa faktor individu telah dikenal pasti sebagai peramal kelemahan iaitu personaliti dan faktor berasaskan penafian menangani ketegangan, tidak berdaya memahami bencana dan ketidakmatangan pembangunan (Violanti & Paton, 2006). Kumpulan yang lemah juga boleh ditakrifkan dengan ciri-ciri berkenaan dengan demografi (contohnya umur, status etnik minoriti, tahap pendidikan) dan alam sekitar (contoh: batasan sumber ekonomi, status politik dan ekonomi terpinggir, dinamik keluarga, akses rangkaian sosial yang terhad) (Bolin & Stanford 1998; Lindell & Whitney 2000).

KAJIAN LITERATUR

Hubungan antara Pendidikan dan Kesedaran Komuniti

Pendidikan awam adalah sebagai satu cara untuk mengurangkan bencana terdapat pembaharuan fokus bencana di peringkat kebangsaan dan global. Pengurangan bencana alam telah menekankan kepentingan mendidik oleh kerajaan dan melatih rakyat mereka untuk meningkatkan kesedaran (HFA, 2006). Masyarakat yang berpendidikan tentang bencana akan dapat menyediakan dan menyesuaikan diri serta bertindak balas kepada bahaya dan pendidikan juga dapat mengurangkan akibat bencana. Drabek (2007) menerangkan setiap individu di dalam komuniti perlu dilatih untuk memiliki atau mengetahui tentang tindakan yang waras apabila terjadi bencana, tahu tentang alternatif kaedah komunikasi kontijensi apabila keadaan mendesak dan bersedia untuk komited dan bekerja lebih apabila keadaan diperlukan.

Hubungan antara Komuniti dengan Ketahanan Komuniti

Kajian oleh Li-Ju Jang (2008), yang telah dijalankan kepada 15 responden mendapati bahawa rangkaian sokongan sosial bencana mempunyai kesan positif ke atas daya tahan bencana. Nelson (2008) membincangkan selepas Taufan Katrina, masyarakat telah memberi fokus kepada aktiviti sokongan sosial dimana para penyelidik mendapati bahawa komuniti yang mewujudkan semula sokongan rangkaian sosial akan cenderung untuk menjadi lebih berdaya tahan daripada mereka yang tidak memperbaiki rangkaian sosial.

Hubungan antara Tahap Pendidikan dengan Persediaan

Menurut kajian yang dilakukan Mahalati dan Kaveh (2004) mendapati persediaan rakyat dalam bencana gempa bumi di bandar metropolitan Tehran menunjukkan korelasi positif antara tahap pendidikan rakyat dan persediaan mereka terhadap bencana. Kajian ini mendapati bahawa pengetahuan orang ramai mengenai pertubuhan bukan kerajaan yang membantu semasa gempa bumi seperti Persatuan Bulan Sabit Merah adalah ditahap sangat rendah.

Persediaan sebagai Pengantara di antara Pendidikan dan Perspektif Komuniti

Dalam kajian yang oleh Chandra (2013) terhadap ENLA (Emergency Network of Los Angeles) dan LACDPH (Los Angeles County Department of Public Health) seramai 276 orang mendapati

bahawa hubungan antara pendidikan dengan perspektif ketahanan menunjukkan positif apabila responden bersetuju dengan persediaan pengetahuan supaya komuniti dapat menyelaraskan sumber bagi meningkatkan daya tahan dan boleh bergantung antara satu sama lain apabila berlakunya bencana.

KESIMPULAN

Mengukur daya tahan masyarakat untuk bencana adalah cabaran utama bagi pengkaji-pengkaji bencana pada masa ini. Di bidang penyelidikan bencana didapati terdapat minat dalam mengenal pasti kapasiti tempatan dalam meningkatkan keupayaan komuniti bagi bersedia dan bertindak apabila berlaku bencana. Ini kerana, bencana merupakan sesuatu yang tidak dapat diketahui bilakah akan berlaku walau pun dengan peralatan dan bukti-bukti empirikal yang ada kita mampu meramalkan bila, lokasi serta impak yang akan dihadapi. Selain itu, impak terhadap sesuatu insiden hanya dapat dilihat dengan jelas selepas sesuatu kejadian. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Al-Hadid, ayat 22 yang bermaksud:

"Tiada suatu bencanapun yang menimpa di bumi dan [tidak pula] pada dirimu sendiri melainkan telah tertulis dalam kitab [Lauh Mahfuzh] sebelum Kami menciptakannya. Sesungguhnya yang demikian itu adalah mudah bagi Allah"

(Al-Quran, 57: 22)

Memahami bahawa keutamaan komuniti adalah satu proses yang dinamik dan bukan hanya sesuatu yang boleh dirancang pada permulaan dan kemudian terus dilaksanakan. Sebagaimana yang telah digariskan dalam Al-Quran bahawa persiapan menghadapi bencana telah dididik di peringkat komuniti secara berperingkat-peringkat, melalui peringatan Allah SWT di antaranya dalam surah Yusuf ayat 47 dan 48, serta surah Hud ayat 13.

"Dia (Yusuf) berkata, "Agar kamu bercucuk tanam tujuh tahun (berturut-turut) sebagaimana biasa, kemudian apa yang kamu tuai hendaklah kamu biarkan ditangkainya kecuali sedikit untuk kamu makan. Kemudian selepas itu akan datang tujuh tahun yang sangat sulit, yang menghabiskan apa yang kamu simpan untuk menghadapinya (tahun sulit) kecuali sedikit dari apa (bibit gandum) yang kamu simpan"

(Al-Quran, 12: 47 - 48)

Selain itu, dalam Surat Hud ayat 37, Allah SWT berfirman:

"Dan buatlah bahtera dengan pengawasan dan petunjuk wahyu kami, dan janganlah kamu bicarakan dengan Aku tentang orang-orang yang zalim itu. Sesungguhnya mereka itu akan di tenggelamkan".

(Al-Quran, 11; 37)

Di dapati terdapat keperluan perubahan dan komuniti perlu mempunyai sikap fleksibiliti untuk menyesuaikan diri dan seterusnya pengetahuan asas perlu diterapkan didalam komuniti agar mereka lebih bersedia dan tahu apa yang perlu yang perlu diambil tindakan sebelum bencana

berlaku dan perkara ini mampu mengurangkan risiko bencana. Membina ketahanan ahli komuniti adalah langkah-langkah yang perlu bagi mengurangkan risiko bencana. Komuniti awam merupakan entiti yang akan berhadapan secara langsung dengan bencana apabila malapetaka berlaku. Persediaan komuniti dalam menghadapi bencana masih boleh dipertingkatkan sekiranya mereka berupaya mengenal pasti risiko yang mereka hadapi di persekitaran mereka.

RUJUKAN

- Aini, M. S., Fakhurul-Razi, A., Daud, M., Adam, N. M., & Kadir R. A. (2005). Analysis of Royal Inquiry Report on the Collapse of a Building in Kuala Lumpur: Implications for Developing Countries. *Disaster Prevention and Management*. 14, pp. 55–79.
- Abolshams, A. B. (2004). The Generalities of Unpredictable Accidents. *The Second International Congress of Disaster Management and Health Proceedings*, Shokravi Publication, Tehran.
- Bolin, R., & Stanford, L. (1998). The Northridge Earthquake: Community-Based Approaches to Unmet Recovery Needs. *Disasters*. Vol. 22, pp. 21-38.
- Chandra, A., Williams, M. & Tang, J. (2013). Getting Actionable about Community Resilience: The Los Angeles County Community Disaster Resilience Project. *American Journal of Public Health*, Jul, 103(7): 1181-1189.
- CBDM (2008). *Building Safer Communities in South Asia. Case Study Bangladesh*. Jan, Vol. 1, No.1.
- DSE (2011). *Introduction to Engagement*. Department of Sustainability and Environment. Available online: <http://www.dse.vic.gov.au/effective-engagement/introductionto-engagement>
- Dufty, N. (2011). Engagement or Education? *The Australian Journal of Emergency Management*, 26(3): 35 – 39
- Foster, H., & Hoy, J. (2012). *Community Engagement in the Emergency Management Sector: Developing Resilience to Climate Change in Victoria*. Office of the Emergency Services Commissioner.
- HFA (2006). *Hyogo Framework for Action 2005-2015: Building the Resilience of Nations and Communities to Disaster*. www.unisdr.org/wcdr
- IFRC (2004). *World Disasters Report 2004: Focus on Community Resilience* (Geneva: IFRC), Chapter 1.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (2012). Dimuat turun dari laman web: http://www.jkm.gov.my/pengurusan_bantuan_dan_bencana_jkm
- Lester, William, Krejci, Daniel. (2007). Business “Not” as Usual: The National Incident Management System, Federalism, and Leadership. *Public Administration Review*. 67, S1, 583-591.
- Lindell, M. K., & Whitney, D. J. (2000). Correlates of Household Seismic Hazard Adjustment Adoption. *Risk Analysis*, 20:13-25.
- Li-Ju Jang. (2000). *Disaster Resilience: Constructing a Disaster Resistant Community*.
- Mahalati, H., & Kaveh, Z. (2004). Measuring People Attitudes about Earthquake in Tehran: Focusing on Training and Ways of Information Distribution. *The Second International Congress of Disaster Management and Health Proceedings*. Shokravi Publication, Tehran.

- McCarthy, J. J., Canziani, O. F., Leary, N. A., Dokken, D. J., & White, K. S. (2001). *Climate Change 2001: Impacts, Adaptation and Vulnerability*. Cambridge University Press, Cambridge.
- MKN No.20 (2013). *Arahan No. 20 (Semakan Semula). Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana*. Negara Majlis Keselamatan Negara.
- Reiss, A. J. (1951). *Delinquency as the Failure of Personal and Social Controls*. Bobba-Merrill, Indianapolis, Ind.
- Ronald, W. P. (2005). *What is a disaster? New Answer to old Questions*.
- Ross, E. A. (1996). *Social Control: A Survey of the Foundations of Order*. New York: Macmillan.
- Reinholdt, S. (1999). Understanding Attitudes and Behavior Towards Community Safety. Paper presented at the *AFAC Sixth Annual Conference*.
- Twigg J. (2007). *Characteristic of a Disaster Resilience Community*. A Guidance Note. Version 1 (for field testing). 24-25.
- UNDP (2004). *Reducing Disaster Risks: A Challenge for Development*. UNDP Bureau for Crisis Prevention and Recovery.
- UN (2013). International Federation of Red Cross and Red Crescent Societies, Geneva. *Public Awareness and Public Education for Disaster Risk Reduction: Key Messages*.
- Violanti, J., & Paton, D. (2006). *Police Traume: The Psychological Aftermath of Civilian Combat*. Springfield, IL: Charles C Thomas.
- Whyte, A. & Crombie, A. (1995). Policy and Provision in Australian Adult Education. in G. Foley (ed.), *Understanding Adult Education and Training*, Allen & Unwin, St. Leonards, NSW, pp. 93–107.